

# Institusi keluarga boleh terhapus

FOTO | Sairien Nafis

>>Oleh NORAINON OTHMAN

norainon@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Institusi kekeluargaan akan terhapus jika kes saman menyaman antara ibu bapa dengan anak menjadi trend dalam masyarakat hari ini.

Kesedaran menjalankan tanggungjawab dengan amanah boleh membantu menangani masalah itu yang lama kelamaan dikhuatiri boleh merosakkan institusi kekeluargaan yang sebelum ini dilihat sebagai institusi paling kukuh.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Senator Datuk Sri Shahrizat Abdul Jalil berkata, ibu bapa dan anak mempunyai tugas dan tanggungjawab masing-masing serta kesedaran menjaga hubungan dua hala berkenaan.

“Kerajaan tidak boleh menghalang jika tindakan saman itu dibuat mengikut undang-undang kerana hak seseorang itu ditentukan mengikut perundangan.

“Bagaimanapun, perlu ada hubungan dua hala iaitu ibu bapa jaga anak atau anak jaga ibu bapa. Jika mahu menyalahkan bapa untuk melepaskan anak, tidak boleh, begitu juga seba-



**BENDUNG...**  
Shahrizat mengulas kes saman menyaman ibu bapa dengan anak.

liknya,” katanya.

Beliau mengulas kecenderungan ibu bapa menyaman atau disaman anak yang seolah-olah menjadi trend membabitkan tuntutan saraan, nafkah serta pembahagian harta.

Shahrizat berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Penuaan penduduk Asia Tenggara anjuran Institut Gerontologi, Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Ins-

titut Antarabangsa Penuaan Perubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu-Malta, di sini, semalam.

Program ini bagi berkongsi platform membincangkan isu membabitkan polisi negara, program dirancang, perkhidmatan dan penyelidikan warga tua di sekitar Asean.

Shahrizat berkata, Malaysia ke arah negara ramai bilangan penduduk berusia perlu melakukan sesuatu bagi melindungi institusi

keluarga daripada terhakis dan hancur akibat perkara tidak diingini seumpama itu.

“Dulu kita tidak pernah dengar kes saman menyaman antara ibu bapa dengan anak. Perubahan persekitaran mungkin menyebabkan perkara ini berlaku.

“Dulu apa juga anak buat boleh diterima ibu bapa, sekarang ibu bapa tahu hak mereka daripada segi undang-undang, begitu jug sebaliknya anak,” katanya.